

31 OCT 1998

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN ALGERIA

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Algeria Liamine Zeroul sempena Hari Kebangsaan ke-36 republik itu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya dari Algeria, Ahmad Ouyahia.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir berkata beliau yakin bahawa hubungan persahabatan dan kerjasama antara Malaysia dan Algeria akan berkembang pada tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada Menteri Hal Ehwal Luar Algeria Ahmed Attaf.

Dalam perutusannya, Abdullah menaruh harapan untuk bekerjasama dengan beliau demi memperkukuhkan hubungan dan memperluaskan kerjasama antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

NHZ FAZ